

31/03/2002

Malaysia tidak harapkan maklumat Singapura

Ahmad Ghazali Musa; Zainal Ahamad

KOTA TINGGI: Malaysia tidak mengharapkan Singapura berkongsi maklumat dengan negara ini berhubung kerja penambakan laut oleh republik itu, terutama membabitkan laporan berhubung Kesan Alam Sekitar (EIA).

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Malaysia juga jangka Singapura tidak akan beri perhatian terhadap permintaan Malaysia supaya menghentikan kerja penambakan laut itu.

"Terlalu banyak bukti (bahawa kegiatan mereka memberi kesan kepada perairan negara ini). Mereka terus nafikan perkara itu. Mereka sangka di Selat Tebrau itu hanya ada laluan Singapura saja.

"Laluan itu juga mereka perlu kongsi dengan Malaysia. Bagi pihak kita kalau didapati apa yang kita buat di perairan Selat Johor jejas Singapura, kita tak buat," katanya.

Beliau berkata, seperti juga isu bekalan air ke Singapura, Malaysia sedia terus membekalkan air dengan harga yang ditetapkan negara ini dengan tujuan supaya negara jiran mendapat keselesaan untuk menggunakan air bersih.

"Kita guna pendekatan bertimbang rasa dan bertanggungjawab. Bukan bertembung dan bermusuhan kerana ia tidak datangkan faedah. Kita berharap Singapura mempunyai perasaan sama," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan sumbangan basikal dan komputer peribadi kepada pelajar miskin kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sedili, di Dewan Serbaguna Kampung Makam, di sini, semalam.

Sumbangan bantuan 100 basikal itu disediakan Yayasan Sinar Malaysia (YSM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini membidas Singapura kerana keengganan republik itu bertolak ansur dengan terus menambak lautnya di Selat Tebrau hingga menjejaskan perairan yang dikongsi dengan Malaysia.

"Kalau Singapura nak kita kerjasama dengan dia, dia mesti kerjasama dengan kita. Kalau dia buat ikut suka hati dia, kita pun boleh buat suka hati kita juga...ini tak baik," kata Perdana Menteri.

Menteri Pembangunan Negara Singapura, Mah Bow Tan sebelum itu dilaporkan memberitahu Parlimen Singapura mereka akan terus menambak laut, walaupun menerima rungutan Malaysia yang bimbang ia menjejaskan laluan kapal dan alam sekitar di perairan itu.

Syed Hamid berkata, sebagai negara berjiran Singapura sewajarnya menghormati perasaan negara ini dengan menghentikan kerja penambakan laut itu, sementara menunggu laporan lengkap dan bantahan dari Malaysia.

"Kita ingat perkara itu boleh diredakan dengan lawatan (Timbalan Perdana Menteri) Lee Hsien Loong ke Kuala Lumpur yang turut memberi jaminan republik itu akan melihat bantahan kita dan mempertimbangkannya.

"Kita juga beranggapan kita punya sikap kejiranan dan berbaik dengan negara lain. Jangan fikir hanya untuk kepentingan kita, walaupun ia boleh jejas kepentingan negara jiran," katanya.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata, Malaysia sedia berunding dengan Filipina berhubung permintaan Presiden Aroyyo Macapagal yang mahu menangguhkan sementara penghantaran balik rakyatnya yang masuk secara haram ke Sabah.

Katanya, Malaysia sentiasa ambil kira pandangan Filipina termasuk rayuan mereka mahu menangguhkan penghantaran pendatang haram dari negara terbabit

yang boleh dibuat menerusi perbincangan dan perundingan antara pihak berkuasa kedua-dua negara.

(END)